




KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI
DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION
 Jabatan Pendidikan Tinggi
 Department of Higher Education
 Aras 9, No.2, Menara 2,
 Jalan P5/6, Presint 5
 62200 PUTRAJAYA
 MALAYSIA




Tel: 603-88706381
 Faks (Fax): 603-88706840
 Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>
 (Official Portal)



Ruj. Kami: JPT(A) 1000/011/001/01 Jld.8 (22)
 Tarikh: 7 September 2016

YBhg. Datuk Prof. Dr. Mohd. Noh bin Dalimin
 Naib Canselor
 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
 86400 Parit Raja
 Batu Pahat
JOHOR
 Tel. : 07-453 7005
 Faks. : 07-453 6010



(Handwritten notes and signatures)
 Diterima
 bersulit
 TN2 (ATA)
 P3 CAD
 P3 PLKATA J

YBhg. Datuk Prof. Dr.,

MAKLUMAN KEPADA UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM) - KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENDIDIKAN TINGGI (JKPT) 4/2016 PADA 21 JULAI 2016

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat bil. UTHM/PBA/100-36/24(41) bertarikh 12 Mei 2016 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) meluluskan program **Sarjana Muda Sains Senibina (Bachelor of Science in Architecture)** bagi penawaran sesi akademik **Semester 1 2017/2018**. Butiran kelulusan program adalah seperti di **Lampiran A** dan cabutan minit Mesyuarat JKPT Bil. 4/2016 disertakan untuk rujukan dan makluman YBhg. Datuk Prof. Dr.
3. Penawaran program oleh universiti awam (UA) yang melibatkan implikasi kewangan, perjawatan dan infrastruktur hendaklah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah/Gabenor Universiti (LPU/LGU) terlebih dahulu bagi memastikan program tersebut dapat dijalankan dengan berkesan.

(Handwritten signature and date)
 15/9

PUSAT PEMBANGUNAN DAN LATIHAN AKADEMIK		
Makluman (Tindakan) / Bilangan / Tarikh		
TD (PKA)	/	
TG (LAI)	/	
	/	
	/	
	/	
	/	
	/	

4. Untuk makluman YBhg. Datuk Prof. Dr., tempoh sah laku kelulusan program akademik baharu adalah dalam tempoh dua tahun daripada tarikh kelulusan YB Menteri Pendidikan Tinggi. Sehubungan itu, kelulusan ini berkuat kuasa sehingga **19 Ogos 2018**. Kelulusan akan terbatal selepas tempoh berkenaan jika program tersebut masih belum ditawarkan. UA perlu mengemukakan semula permohonan sebagai program akademik baharu bagi memastikan struktur kurikulum program tersebut masih relevan dan berdaya saing.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATUK PROF. DR. ASMA BINTI ISMAIL)

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi

Jabatan Pendidikan Tinggi

Kementerian Pendidikan Tinggi

s.k. :

TKPPT (A)

SUB (P)

SUB (W)

SUB (R)

SUB (S.M) PPT
(U.p: Unit UPKPA)

P (BGA)

P (BPKP)